

Jabatan Pendaftar | Registrar Department

Rujukan Kami : UniSZA.P/1/PP/604-2 (44)  
Tarikh : 9 Mei 2013

Semua Staf  
Universiti Sultan Zainal Abidin

YBhg. Prof./Dr./Tuan/Puan,

**KADAR/HAD PEMBIAYAAN KOS RAWATAN PERUBATAN DI KLINIK PANEL UniSZA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Sukacita dimaklumkan **Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.75/2013 yang bersidang pada 8 Mei 2013** telah bersetuju supaya kadar/had pembiayaan kos rawatan perubatan di Klinik Panel UniSZA dinaikkan dari **RM 50.00 ke RM 100.00** untuk sekali rawatan. Kemudahan ini mengambil kira bebanan kos ubatan yang semakin meningkat.

3. Walau bagaimanapun, sekiranya kos rawatan/ubatan melebihi kadar/had yang ditetapkan, staf hendaklah membayar sendiri lebihan tersebut atau pihak Klinik Panel yang berkaitan merujuk kes berkenaan ke Hospital Kerajaan untuk rawatan susulan. **Lebihan kos rawatan/ubatan yang diperoleh di Klinik Panel tidak akan dibiayai oleh UniSZA.**

Sekian, semoga dalam perhatian dan penerimaan YBhg. Prof./Dr./Tuan/Puan jua.

Terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,



**NORDIN BIN JUSOH**  
Pendaftar

- s.k - Naib Canselor
- Pemangku Bendahari
- Semua Klinik Panel UniSZA